

Jenis Akhbar : Kosmo
Tarikh : 21/06/2022
Edisi / Muka Surat : Nasional / 4
Tajuk : ANGKASA tumpu Agromakanan



NOH (belakang, tengah) menyaksikan majlis menandatangani MoU antara Abdul Fattah (depan dua dari kiri) dan K. Yogendra (depan dua dari kanan) di Seville, Sepanyol semalam.

Angkasa tumpu Agromakanan

PETALING JAYA — Lebih banyak peluang perniagaan dalam industri pertanian dan asas tani serta perlادangan akan dijana selepas Malaysia mengadakan kerjasama dengan koperasi terbaik dunia, The Indian Farmers Fertiliser Cooperative Limited (IFFCO).

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar berkata, satu memorandum persefahaman kerjasama (MoU) telah ditandatangani antara IFFCO dengan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa).

Katanya, MoU itu membantu kerajaan untuk memperkasa sektor pertanian serta memastikan kualiti dan hasil pertanian negara

seiring dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030.

"Melalui MoU itu, Angkasa bersetuju untuk mengimport bahan kimia yang bebas kimia.

"IFFCO memberi jaminan bahan kimia yang bebas kimia akan membantu mengurangkan pencemaran dan meningkatkan input pertanian," katanya.

Terdahulu, Noh mengetuai delegasi koperasi Malaysia ke Perhimpunan Agung Ikatan Koperasi Antarabangsa di Seville, Sepanyol yang berlangsung bermula Ahad hingga esok.

Menurut Noh, gerakan koperasi yang sudah berusia 100 tahun di negara ini harus diperluaskan ke arah agromakanan selain perkhidmatan kredit dan pendidikan yang memberi man-

faat kepada rakyat dan ekonomi.

Sementara itu, Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, kerjasama antara koperasi di seluruh dunia akan terus diperkuatkan melalui Angkasa sebagai gerbang perhubungan perdagangan dua hala.

"Angkasa bertindak sebagai pemudah cara sesuai dengan peranannya sebagai badan apeks gerakan koperasi negara yang menyatu dan mewakili koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa," katanya.

Pada perhimpunan itu, Noh turut menyaksikan majlis menandatangani MoU itu antara Abdul Fattah dan Pengarah Pemasaran IFFCO, K. Yogendra.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA